

07/05/2001

Dunia media tidak pernah miliki kebebasan mutlak

Jamhariah Jaafar

HARI Kebebasan Akhbar Sedunia sekali lagi disambut. Namun, perbincangan dan perdebatan mengenainya masih belum menemui sebarang titik penyelesaian, walaupun alaf baru menjanjikan kebebasan yang lebih baik untuk dinikmati oleh seluruh warga dunia.

Perdebatan sebenarnya tidak perlu terlalu ekstrim kerana semua manusia menyedari hakikat kehidupan sebenarnya - bahawa kebebasan mutlak yang diperjuangkan memang tidak akan wujud selagi kita ingin dikenali sebagai masyarakat bertamadun.

Setiap orang mempunyai definisi tersendiri. Mereka yang berasa diri bagaikan terpenjara dalam sesuatu situasi, ingin mengalami kebebasan mutlak yang sering diibaratkan 'bak burung terbang bebas'.

Ironinya, bagi manusia yang mengecap kebebasan yang keterlaluan, iaitu dalam erti lain tidak dikekang dengan sebarang nilai hidup, peraturan dan undang-undang, tidak dapat tidak mungkin akhirnya akan berasa kehidupan mereka tanpa arah tujuan.

Kebebasan mutlak mungkin hanya ada dalam kehidupan rimba - siapa kuat akan terus hidup dan yang lemah akan menjadi santapan si kuat.

Artikel 19 Perisytiharaan Universal Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Asasi Manusia 1948 berbunyi: Setiap manusia berhak untuk mempunyai kebebasan bersuara dan ekspresi; hak ini termasuk kebebasan untuk berpegang teguh kepada pendapat tanpa sebarang halangan dan untuk mencapai, menerima dan mengimport maklumat, serta idea melalui mana-mana media serta tanpa mengira sebarang sempadan.

Bagaimanapun, artikel itu tidak dapat menolak hakikat bahawa dengan kebebasan yang dicari itu juga patut digalas dengan beberapa perkara penting lain, terutama dalam isu membabitkan hak asasi manusia serta perlunya sebarang penulisan dilakukan dengan penuh bertanggungjawab.

Justeru, mereka yang terbabit secara langsung dalam kebebasan bersuara dan ekspresi ini adalah kumpulan yang bergelar penulis, wartawan, pemberita, pengarang atau apa saja gelaran yang mereka miliki, asalkan kerjaya mereka ialah menulis dan melaporkan apa yang berlaku dalam kehidupan harian, menyentuh pelbagai isu dan topik, secara serius atau jenaka.

Isu dan perdebatan mengenai kebebasan akhbar ini bukanlah sesuatu yang baru. Ia sudah bermula sejak dulu lagi, tetapi ia menjadi semakin lantang kebelakangan ini berikutan pelbagai isu dan faktor luaran serta dalaman yang menganggap semua akhbar dan media sekarang lebih banyak tunduk kepada kehendak pemilik serta mereka yang mempunyai kuasa untuk mempengaruhi haluan sesuatu media itu.

Memang pada hakikatnya ialah setiap mereka yang bergelar wartawan atau pengarang ingin menulis mengenai apa saja tanpa sebarang kekangan dan halangan, tetapi setiap seorang daripada mereka turut menyedari bahawa kebebasan yang melampau boleh mencetus masalah yang serius di kalangan masyarakat.

Sekurang-kurangnya tiga perdebatan hangat tercetus dalam beberapa seminar berasingan sempena Hari Kebebasan Akhbar Sedunia di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Hampir semua yang hadir - baik ahli panel, jemputan mahu pun pemerhati - sependapat bahawa adalah mustahil untuk mana-mana media memiliki kebebasan mutlak kerana setiap organisasi sudah pasti mempunyai kekangan tersendiri.

Semua media di dunia, termasuk yang mendabik dada sebagai pengamal media

bebas, tidak dapat lari daripada hakikat bahawa tanggungjawab pertama mereka ialah kepada pemilik media terbabit.

Pemilik akhbar gergasi dunia seperti Rupert Murdoch juga menggunakan kuasa dan pengaruhnya dalam menentukan arah haluan semua media miliknya. Di Malaysia, keadaan yang sama turut berlaku.

Bagaimanapun, tidak ada siapa yang boleh menolak kenyataan bahawa setiap wartawan dan pengarang media yang memang telah disemai dan diterap dengan nilai-nilai kewartawanan, seberapa boleh akan berusaha untuk memaparkan laporan secara adil dan saksama, tanpa perasaan gentar dan berat sebelah.

Dalam kes di Malaysia, kritikan lantang bahawa media arus perdana gagal dalam melaksanakan tugas dengan adil dan saksama boleh disanggah kerana media daripada arus bertentangan menyiarkan laporan yang lebih teruk dan buruk.

Keadaan lebih buruk dan membuat semua wartawan negara ini lebih berhati-hati apabila semakin ramai pihak mengambil tindakan undang-undang atas pelbagai laporan, walaupun ia adalah demi kepentingan serta kesejahteraan rakyat.

Keputusan mahkamah yang meluluskan saman berjuta-juta ringgit juga membuatkan media lebih berhati-hati dalam menyiarkan sesuatu laporan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menyentuh mengenai isu kebebasan akhbar suatu ketika dulu pernah berkata:

"Ketika kita menghargai kebebasan akhbar, kami lebih turut menghargai keamanan, kestabilan serta kehidupan rakyat negara ini. Kecuali faktor ini dan pornografi, akhbar kami adalah bebas."

Bagaimanapun, dalam nada lain, sesetengah pengamal media mungkin berasakan ada beberapa peraturan dan undang-undang yang memberi halangan kepada gaya penulisan wartawan serta keinginan mereka untuk menerokai bidang yang dianggap sensitif.

Rata-rata pengamal media negara ini bersetuju dengan pendapat bahawa beberapa peraturan rigid seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 perlu dikaji semula.

Di samping itu, perlu juga untuk mereka yang terbabit di dalam industri ini memiliki sebuah badan seperti Majlis Akhbar Kebangsaan bagi menjamin kedudukan serta kebajikan setiap ahli.

Suasana politik dan perkembangan semasa yang berlaku sejak akhir-akhir ini membuat masyarakat lebih peka dan semakin serius untuk mengetahui apa sebenarnya yang berlaku, tetapi kekangan dan halangan sering membuat pengamal media terpaksa menelan rasa kecewa kerana sukar untuk membuat laporan lebih adil.

Mungkin tidak adil untuk mendesak kerajaan supaya memansuhkan terus undang-undang seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Rahsia Rasmi (OSA), tetapi kajian semula sebenarnya adalah perlu bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa.

Sebarang usaha, sama ada untuk meminda atau memansuhkan akta berkenaan, perlu datang dari kalangan mereka yang berpengaruh dan menyedari keperluan untuk berbuat demikian.

Pada masa sama, semua pengamal media negara ini tidak boleh bersikap lepas tangan dalam menangani isu seperti penubuhan Majlis Akhbar Kebangsaan kerana usaha segelintir pihak tidak akan menjadi kenyataan sekiranya tidak menerima sokongan padu.

Mungkin kesimpulan yang boleh dibuat ialah perjuangan untuk mendapat kebebasan mutlak hanyalah suatu retorik.

Hakikatnya ialah tidak wujud kebebasan secara mutlak di dalam dunia media. Pengamal media di Barat mungkin boleh melaungkan bahawa mereka memiliki kebebasan, tetapi pada masa sama mereka tidak boleh menolak hakikat bahawa mereka juga tertakluk kepada kehendak serta arah haluan yang ditentu oleh pemilik syarikat.

Perbincangan mengenai kebebasan media sebenarnya tidak akan berakhir kerana tidak akan ada jawapan yang dapat memuaskan hati semua orang.
(END)